



USAH BUNTU, HASIL SEDIA MEMBANTU

SEBARANG MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN BERKAITAN PERCUKAIAN SERTA PERKHIDMATAN HASIL, SILA SALURKAN KEPADA :

A. BORANG MAKLUM BALAS PELANGGAN : <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

B. PUSAT PANGGILAN :

1. HASIL CARE LINE - PERKHIDMATAN AM PERCUKAIAN : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (LUAR NEGARA)

RUJUKAN SEGERA :

- PENGGAJIAN (TIADA PENDAPATAN PERNIAGAAN) : 03-8911 1200
- PERNIAGAAN (BEKERJA SENDIRI / PERKONGSIAN) : 03-8911 1300
- e-FILING : 03-8911 1400
- BANTUAN KHAS KERAJAAN / SUMBANGAN TUNAI RAHMAH : 1800-88-2747

2. HASIL RECOVERY CALL CENTRE

- BAYARAN CUKAI DAN SEKATAN PERJALANAN : 03-8751 1000

C. HASIL LIVE CHAT

D. e-JANJI TEMU HASIL : <https://ejanjitemu.hasil.gov.my/>

1. e-PERMOHONAN PINDAAN BE

Jika anda terlebih lapor pendapatan atau terkurang tuntutan pelepasan dalam e-BE yang telah dihantar, anda boleh membuat pindaan melalui e-Permohonan Pindaan BE. Ia tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

1. Borang cukai asal dihantar secara e-Filing (Borang e-BE),
2. Borang e-BE dihantar dalam tempoh (tidak lewat),
3. e-Permohonan Pindaan BE hanya boleh dihantar sekali dalam sahaja tahun taksiran tersebut, dan
4. Dokumen sokongan perlu dimuat naik mengikut format yang ditetapkan dalam ruangan yang telah disediakan.

e-Permohonan Pindaan BE bagi e-BE Tahun Taksiran 2022 boleh diakses mulai 1 April 2023 melalui <https://mytax.hasil.gov.my/> > e-Filing.

2. SEPINTAS E-BUKU HASiL

Sepintas e-Buku HASiL menghimpunkan maklumat dan persoalan berkaitan percukaian yang sering menjadi tumpuan pembayar cukai. Isi kandungannya dibahagikan mengikut kategori pembayar cukai bagi memudahkan pencarian dan pemahaman terhadap maklumat yang disampaikan.

Naskhah ini boleh dimuat turun secara percuma melalui MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my>.

3. EDUZONE - GERBANG PENDIDIKAN PERCUKAIAN ANDA

Eduzone merupakan sumber rujukan bagi mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan program kesedaran dan pendidikan cukai. Ia juga mengandungi bahan publisiti yang dipaparkan di media massa dan media sosial HASiL.

Eduzone boleh dilayari di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my.

4. LEBIHAN BAYARAN ATAU TUNGGAKAN CUKAI?

Tahniah kepada anda yang telah menghantar borang cukai bagi Tahun Taksiran (TT) 2022. Sekiranya anda mempunyai lebihan bayaran cukai, proses pembayaran balik oleh HASiL adalah tertakluk kepada piagam pelanggan seperti berikut :

1. Penghantaran secara e-Filing : 30 hari bekerja daripada tarikh penghantaran borang, atau
2. Penghantaran secara manual : 90 hari bekerja daripada tarikh penghantaran borang.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada baki cukai yang perlu dibayar, bayaran tersebut perlu dijelaskan sebelum atau pada tarikh akhir penghantaran borang cukai iaitu :

1. Penghantaran secara e-Filing - 15 Mei 2023
2. Penghantaran manual - 30 April 2023

Pembayar cukai disarankan untuk membuat bayaran menggunakan ByrHASiL melalui MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>.

Jika baki cukai tidak dapat dijelaskan secara sekali gus, permohonan bayaran ansuran boleh dikemukakan kepada HASiL dengan kaedah :

1. Permohonan Ansuran Sendiri yang mana pembayar cukai mengemukakan jadual ansuran sendiri berserta dokumen sokongan yang berkaitan; atau
2. Potongan CP38 bagi pembayar cukai yang mempunyai penggajian.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK AKAN MEMBERI NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI PENDAPATAN MELALUI PANGGILAN TELEFON/EMEL/SURAT. SILA GUNAKAN BYRHASiL BAGI BAYARAN CUKAI JIKA BERKAITAN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.